

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Buletin

INTEGRITI

Edisi

2023



TERSOHOR MANUSIA KERANA INTEGRITI

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi 01

Dari Meja Ketua Unit Integriti 02

Bicara Integriti Bersama
Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar) KPT 03

Renungan Integriti 05

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 06

Etika Penggunaan Media Sosial 07

Keperluan atau Kehendak? 08

Sambutan Hari Integriti
National Peringkat KPT 2023 09

Sorotan Media Integriti 2023 11

SIDANG REDAKSI



Penaung

YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin
Megat Ahmad Supian

Penasihat

Encik Norhushaffiz bin Hussin

Ketua Pengarang

Puan Nor Haslinda binti Abd Razak

Timbalan Ketua Pengarang

Puan Kamisah binti Mohd

Pengarang/ Pereka

Puan Irmawati binti Muhamad

Puan Noor Shakilah binti Jaludin

Puan Asniza binti Talib

Puan Khairunisa Hadira binti Mohd Nor Sekdek

Puan Noor Azean binti Abdul Rahim

Jurufoto

Encik Jester Fidly Jalamit

Encik Mohd Ridhwan bin Haji Ab Wahab

Dengan Kerjasama

Semua Bahagian/Unit

Kementerian Pendidikan Tinggi

DARI MEJA KETUA UNIT INTEGRITI



Encik Norhushaffiz bin Hussin
Ketua Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Tinggi

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Selaras dengan keputusan Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (digantikan oleh Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Tahun 2022, Ceraian SP.1.2.1). Penubuhan Unit Integriti berperanan sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di Kementerian Pendidikan Tinggi yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2013. Penubuhan Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, terdapat enam (6) fungsi teras Unit Integriti iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan, Pematuhan, Pengesanan dan Pengesahan serta Pengurusan Tatatertib.

Pelbagai aktiviti berkaitan pengukuhan integriti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023. Antaranya program-program yang telah dilaksanakan adalah Wacana Integriti : Jelajah Cakna Syariah, Sembang Santai Integriti, Siri Bengkel Pembangunan Manual Pengurusan Anti Bribery Management System (ABMS) dan Sambutan Hari Integriti KPT Tahun 2023.

Semoga penerbitan Buletin Integriti KPT Edisi 01/2023 ini sedikit sebanyak memberikan informasi, pemahaman dan menggalakkan pembudayaan integriti dalam kalangan warga KPT dan menjadikan KPT sebagai sebuah Kementerian yang cemerlang dan berintegriti.



BICARA INTEGRITI BERSAMA

YBHG. DATO' DR. HAJI MEGAT SANY BIN MEGAT AHMAD SUPIAN, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR), KPT

1. *Assalamualaikum wbt.* Terima kasih kerana YBhg. Dato' Dr. sudi ditemu ramah oleh Unit Integriti. Apakah gambaran YBhg. Dato' Dr. berkaitan integriti penjawat awam secara umumnya?

Walaikumsalam wbt, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Secara umumnya daripada segi integriti penjawat awam, boleh saya katakan masih berada dalam keadaan yang memuaskan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan terdapat juga segelintir penjawat awam yang melakukan pelanggaran tatakelakuan dan telah memberi tempis kepada seluruh penjawat awam termasuklah warga KPT. Ingin saya tegaskan disini, semua penjawat awam perlulah mematuhi peraturan yang berkuatkuasa kerana sebarang pelanggaran tatakelakuan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pada sekitar tahun 80an, ada satu slogan iaitu "**Kepimpinan Melalui Teladan**". Pemimpin seharusnya mempamerkan diri sebagai ketua yang berwibawa, amanah, berintegriti dan tidak bertoleransi dengan jenayah rasuah. Nilai-nilai murni tersebut harus menjadi amalan budaya dalam sesebuah organisasi agar integriti penjawat awam dapat dipertingkatkan.

Jika dilihat dari sudut Indeks Persepsi Rasuah (CPI), Malaysia berada di tangga ke-61 daripada keseluruhan 180 negara dalam CPI 2022 yang dikeluarkan oleh *Transparency International (TI)*. Kerangka Ekonomi MADANI juga telah menetapkan tujuh (7) penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana yang mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun. Penanda aras keenam Kerangka ini adalah untuk **meletakkan Malaysia di kedudukan 25 teratas dunia dalam CPI**. Sasaran ini agak mencabar untuk dicapai, tetapi boleh dilaksanakan dengan membudayakan amalan kerja yang baik dan disokong dengan pegangan agama yang kukuh. Secara dasarnya, semua agama mencegah kita daripada melakukan perbuatan yang tidak baik. Oleh itu, pelaksanaan program-program pengukuhan integriti perlu diteruskan bagi menggalakkan penjawat awam menjadi insan yang baik, berdisiplin serta berintegriti.

2. Apakah harapan dan saranan YBhg. Dato' Dr. kepada semua warga KPT dalam meningkatkan mutu kerja berintegriti?

Bagi meningkatkan mutu kerja berintegriti, niat yang baik pada permulaan hari akan memberi kesan kepada kehidupan seharian. Setiap warga KPT juga perlu bekerja dengan penuh disiplin, bertanggungjawab, berpengetahuan, berkemahiran, pantas bertindak, jujur, ikhlas serta amanah. Selain itu, budaya nasihat-menasihati juga perlu diterapkan dalam amalan kerja seharian. Warga KPT juga boleh menghayati cogan kata "Bersekutu Bertambah Mutu" yang menyeru agar seluruh masyarakat termasuklah penjawat awam untuk bermuafakat dan bekerjasama bagi melahirkan negara yang sejahtera dan gemilang.

Lihat muka 4



BICARA INTEGRITI BERSAMA

YBHG. DATO' DR. HAJI MEGAT SANY BIN MEGAT AHMAD SUPIAN, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR), KPT

Dari muka 3

Di samping itu, Ketua Jabatan perlu memainkan peranan untuk melaksanakan pengawalan dan pengawasan terhadap semua pegawai di bawahnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan 3C(1) dan 3C(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Sekiranya terdapat pegawai bawahan yang melakukan pelanggaran tatakelakuan, Ketua Jabatan hendaklah memberi nasihat, membuat teguran secara bertulis atau mengadakan sesi kaunseling bagi membantu pegawai tersebut. Sekiranya pegawai masih melakukan kesalahan yang sama dan tidak menunjukkan sebarang perubahan, Ketua Jabatan perlu melaporkan pelanggaran tatakelakuan kepada Unit Integriti dengan kadar segera. Tuntasnya, seluruh warga KPT tanpa mengira pangkat dan kedudukan hendaklah sentiasa membudayakan integriti dalam tugas sehari-hari.

3. Apakah harapan YBhg. Dato' Dr. terhadap Unit Integriti KPT? Mohon beri nasihat dan cadangan.

Saya berharap agar Unit Integriti terus mengekalkan profesionalisme dalam perkhidmatan yang diberikan bagi memberi keyakinan dan kepercayaan kepada warga KPT untuk menyalurkan isu berkaitan integriti. Saya juga berharap Unit Integriti boleh menganjurkan lebih banyak program dalam skala kecil yang boleh menarik minat warga dimana pengisian program boleh dipelbagaikan dan tidak hanya berfokus kepada integriti. Sebagai contoh menganjurkan aktiviti kecergasan yang boleh memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan dan mewujudkan persaingan secara sihat.

Selain itu, terima kasih diucapkan kepada Unit Integriti yang telah menjalankan fungsinya bagi memastikan setiap warga mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Tahniah juga kepada semua Bahagian/Unit yang telah bersama-sama dengan Unit Integriti dalam membangunkan

Manual Pengurusan Anti-Bribery Management System (ABMS) yang bertujuan untuk menambah baik prosedur dan sistem kerja yang sedia ada di KPT.

4. Bagaimana perasaan YBhg. Dato' Dr. secara menyeluruh sepanjang berkhidmat di KPT?

Secara keseluruhannya, saya amat teruja dapat berkhidmat di KPT. Sepanjang 30 tahun saya dalam perkhidmatan awam, saya telah berpengalaman dalam bidang kewangan, pembangunan, kemajuan luar bandar, sumber asli dan Kerajaan Negeri. Inilah kali pertama saya berkhidmat dalam institusi pendidikan.

Pada pandangan saya, pendidikan adalah satu bidang yang sangat luhur. Saya berharap dasar-dasar KPT dapat dilaksanakan dengan baik dan sesegera mungkin bagi memastikan negara dapat membentuk graduan yang bermutu. Mereka inilah calon pemimpin masa hadapan yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih disegani dan tersohor di mata dunia.

Di samping itu, saya berharap segala apa yang kita usahakan di sini membuahkan hasil yang baik kerana segala tindakan yang kita lakukan sekarang adalah untuk generasi pada masa hadapan. Oleh itu, semua warga perlu menyumbang semaksimum kemampuannya berdasarkan peranan masing-masing. Sekiranya satu fungsi tidak dapat dilaksanakan dengan baik, maka ia akan memberi kesan kepada seluruh organisasi.

Akhir kata, saya berharap agar seluruh warga KPT dapat membudayakan amalan kerja yang baik serta berintegriti tinggi bagi memastikan negara kita akan terus kekal aman, bahagia, sejahtera sehingga seberapa lama mungkin. Marilah kita sama-sama untuk terus mengekalkan kemerdekaan dan kesejahteraan yang berpanjangan agar kita dapat hidup rukun damai dalam suasana maju. Insya-Allah.



Renungan INTEGRITI

Rasuah berasal daripada bahasa Arab 'risywah' iaitu kata terbitan daripada kata akar perkataan 'rasya', 'yarsyu' dan 'rasywan' yang membawa maksud sogokan atau pujukan. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula mendefinisikan rasuah sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah, diskaun. Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta SPRM 2009), istilah rasuah disebut sebagai suapan. Akta SPRM 2009 memperuntukkan empat kesalahan utama rasuah iaitu:

1. Meminta/Menerima Rasuah;
2. Menawar/Memberi Rasuah;
3. Membuat Tuntutan Palsu; dan
4. Salah Guna Kedudukan oleh Pegawai Awam.

Turut menjadi kesalahan adalah sebarang percubaan atau persubahatan untuk melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."*

(Surah al-Baqarah: 188)

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *"Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah."*

Riwayat Ahmad (6984) dan Ibnu Majah (2313)

Sumber :

Portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
<http://www.sprm.gov.my/index.php/pendidikan/kenali-rasuah>


Buku Menangani Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan
https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/menang-ani-rasuah-dalam-perolehan-awam-2020-my-06012021.pdf

INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI)

Pada masa kini, Malaysia berada di kedudukan ke-61 daripada keseluruhan 180 negara dalam CPI Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI). Skor Malaysia turun satu mata iaitu daripada 48 mata pada tahun 2021 kepada 47 mata pada tahun 2022. Berdasarkan skor CPI, lebih tinggi skor direkodkan, lebih bersih sesebuah negara daripada amalan rasuah manakala lebih rendah skor bermaksud lebih tinggi kes rasuah berlaku. Kejatuhan skor CPI pada tahun 2022 memberikan persepsi negatif kepada negara.

Merujuk kepada amanat oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara semasa Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara Tahun 2023 pada 9 Februari 2023 yang menggariskan keperluan untuk menerapkan mekanisme akauntabiliti yang telus seperti tadbir urus terbaik bagi mengelakkan salah guna kuasa berulang. Menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan pencapaian CPI kembali ditingkatkan bagi memulihkan imej dan martabat negara.

Perkara ini juga selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI menetapkan tujuh (7) penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana yang mahu dicapai dalam tempoh 10 tahun. Penanda aras keenam Kerangka ini adalah untuk meletakkan Malaysia di kedudukan 25 teratas dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI).



Sumber : Transparency International



Sumber :

Pembudayaan integriti, nilai murni tingkat keyakinan pelabur
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/08/1146516/pembudayaan-integriti-nilai-murni-tingkat-keyakinan-pelabur>

Teks Ketua Setiausaha Negara sempena Amanat Tahun Baharu
<https://www.mampu.gov.my/wp-content/uploads/2023/02/Teks-Amanat-KSN-Majlis-Amanat-Tahun-Baharu-2023-09022023.pdf>

Teks Ucapan YAB Perdana Menteri sempena Majlis Peluncuran 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat'
<https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/teks-ucapan-ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>

ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Media sosial merujuk kepada sejenis saluran komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan mudah secara bebas, berkongsi dan membincangkan maklumat dengan menggunakan gabungan multimedia yang terdiri daripada teks, gambar, video dan audio. Contoh media sosial yang digunakan seharian adalah Facebook, Instagram, Twitter, TikTok, WhatsApp, Telegram dan sebagainya. Penggunaan media sosial yang beretika perlu diterapkan dalam menjaga keharmonian dan kesejahteraan pengguna.

Berikut adalah beberapa etika penggunaan media sosial:

Semua pegawai awam adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan yang menjadi teras kepada keperibadian atau tatakelakuan anggota perkhidmatan awam.

Prinsip-prinsip penggunaan media sosial oleh pegawai awam sama ada dalam urusan rasmi ataupun peribadi adalah sama seperti yang terpakai bagi media-media yang lain. Media sosial merupakan forum awam dimana prinsip-prinsip yang sama diambil kira sebagaimana pengucapan awam ataupun penulisan secara rasmi atau tidak rasmi.

Pegawai awam dilarang menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat samada menerusi peralatan komputer atau alat mudah alih yang dibekalkan oleh pejabat ataupun melalui peralatan peribadi.

Pegawai awam boleh menggunakan media sosial secara peribadi di luar waktu pejabat tetapi perlu berhati-hati supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat rasmi. Pegawai awam dilarang mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti politik kecuali telah mendapatkan kelulusan Ketua Perkhidmatan Awam.

Sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan agensi atau yang berbentuk serangan peribadi hendaklah dielakkan.

Ketepatan dan sensitiviti maklumat yang ingin disampaikan hendaklah disemak terlebih dahulu sebelum dihantar.

Pegawai awam perlu memastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan.

Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, akui pada umum, buat pembedaan dan mohon maaf kepada pihak yang berkaitan secara terus dalam laman sosial yang terlibat.

Peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan penggunaan media sosial adalah seperti yang berikut:

- 1 Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 2 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- 3 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 4 Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 17 Julai 2009 bertajuk "Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam".
- 5 Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 19 Nov 2009 bertajuk "Penggunaan Media Sosial Di Sektor Awam".
- 6 Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 8 April 2011 bertajuk "Amalan Terbaik Penggunaan Media Jaringan Sosial Di Sektor Awam".

Sumber :

Buku Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial Dalam Sektor Awam

<https://www.mampu.gov.my/3d-flip-book/penerapan-etika-penggunaan-media-sosial-dalam-sektor-awam/>

KEPERLUAN ATAU KEHENDAK?

Pada masa kini pengurusan kewangan yang baik merupakan perkara paling utama dalam menjalani kehidupan seharian. Setiap individu perlu membezakan sama ada sesuatu perkara itu adalah keperluan atau kehendak. Berikut adalah perbezaan keperluan dan kehendak:



Keinginan yang kuat untuk memenuhi kehendak-kehendak yang tidak diperlukan ini menjadi punca utama berlakunya hutang. Apabila hutang semakin bertambah, ia boleh menjurus kepada keterhutangan yang serius. Bagi mengatasi perkara ini, beberapa langkah boleh diambil seperti berikut:

- 1. Membayar hutang** : Sediakan jadual pembayaran hutang yang realistik dengan mengasingkan sebahagian pendapatan untuk membayar hutang secara berkala.
- 2. Kaunseling kewangan** : Mendapatkan nasihat kewangan daripada kaunselor kewangan yang berpengalaman atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi membantu pengurusan hutang dengan lebih baik.
- 3. Hindari hutang baharu** : Berhenti untuk membuat hutang yang baharu dan hindari penggunaan kad kredit melebihi kemampuan bayaran bulanan. Selesaikan segera pembayaran kad kredit dan sebaiknya tamatkan penggunaan kad kredit.
- 4. Penyelesaian kewangan Tambahan** : jika keterhutangan sangat serius, pertimbangkan untuk menggabungkan/ penyusunan semula hutang untuk mengurangkan pembayaran faedah kepada bank.

Mengatasi keterhutangan serius memerlukan masa, kesabaran, dan disiplin kewangan. Perunding kewangan atau kaunselor kewangan boleh memberikan panduan yang berguna dalam situasi ini.

Ditulis oleh:
Nor Haslinda binti Abd Razak
Unit Integriti KPT



SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT KPT 2023

16 November 2023 | Putrajaya



Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2023

“Orang yang memiliki komitmen dan integriti yang tinggi, tidak pernah merasa takut, ragu atau bimbang dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka”.

Selain itu, KPT turut mengisi Sambutan Bulan Integriti Nasional dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti di jabatan, agensi dan Institusi-institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang mampu menyubur dan mengukuhkan

Lihat muka 10

Pesan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Dato’ Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian kepada warga KPT yang hadir ke Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional (HIN) peringkat Kementerian yang telah dirasmikan oleh beliau.



Sesi Pelancaran Buku Garis Panduan Pengurusan dan Pelaporan Kes-Kes Tataertib KPT dan Kod Etika dan Tatakelakuan KPT

Bertemakan ‘Integriti Citra Malaysia MADANI’, sambutan yang dianjurkan oleh Unit Integriti KPT ini adalah bersempena dengan sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 yang telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali pada 5 November lalu sebagai usaha membudayakan integriti dengan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kakitangan KPT serta masyarakat.



Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2023 dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Dr. Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT



Sesi Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi JPPKK 2023 - 2027



Ikrar Integriti Malaysia diketuai oleh Encik M. Azmi bin Hj. Ruzali, Timbalan Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK

Dari muka 9

sifat amanah dan tanggungjawab merentasi seluruh warga KPT termasuklah para pelajar.

Jelas YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany, beliau amat menghargai kebersamaan semua komponen KPT dalam menjayakan cita-cita menuju ke arah membudayakan tata kelola berintegriti berlandaskan kod etika dan tata kelakuan yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Pada majlis tersebut juga, turut dilancarkan Kod Etika dan Tata Kelakuan KPT; Garis Panduan dan Pelaporan Kes-kes Tatatertib KPT; serta Pelan Antirasuah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Warga KPT yang hadir turut mengangkat lafaz Ikrar Integriti Malaysia yang telah diketuai oleh Timbalan Pengarah, Unit Tadbir Urus dan Institusi, Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK, Encik M. Azmi Hj. Ruzali.

Pada majlis ini, turut diadakan sesi Wacana Integriti Bilangan 3 Tahun 2023 bersama Mantan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Sidek Hassan dengan tajuk Integriti: Perlukah Anda Diperhati?



Sesi Wacana Integriti Bilangan 3 Tahun 2023

Reruai pameran oleh jabatan serta agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Penjara dan lain-lain lagi turut dibuka di lobi bangunan KPT yang memaparkan pengisian serta kesedaran berintegriti.



Sesi Lawatan ke booth pameran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Berita Integriti KPT Siri 1 / 2023

MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN SOKONGAN (NO.1) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 1 TAHUN 2023

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No.1) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2023 pada 7 Februari 2023 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:



BIL	JENIS KESALAHAN	GREJ PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK)			
1	<ul style="list-style-type: none"> Tidak Hadir Bertugas Datang Lewat / Pulang Awal dan Tidak Mengimbas Cap Jari 	11	Buang Kerja
2	Tidak Hadir Bertugas	3 (KUP)	Amaran

*Info :

Pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Hukuman	Tempoh tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tangguh Pergerakan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

SUMBER : PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

Urusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam

Ceraihan UP.3.1.6 – Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib

Penjawat awam perlu sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Berita Integriti KPT Siri 2 / 2023

MESYUARAT PENYELARASAN GOVERNAN DAN FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI UNIVERSITI AWAM (UA)



- YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Governan dan Fungsi Teras Unit Integriti Universiti Awam (UA) pada 9 Februari 2023 (Khamis) di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT. Mesyuarat telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Penasihat Undang-Undang, Ketua Unit Komunikasi Korporat, Ketua Unit Integriti dan Pengarah Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Mesyuarat ini turut melibatkan barisan Jawatankuasa Majlis Pegawai Integriti Universiti Awam (MPIUA), Ketua Unit Integriti, Penasihat Undang-Undang dan wakil dari UA, yang diketuai oleh Puan Nor Aishah binti Samah, Pengerusi MPIUA.

Antara intipati mesyuarat adalah Pembentangan Resolusi Bengkel Penyelarasan Governan dan Fungsi Unit Integriti UA kepada YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha KPT.

Sesi pembentangan ini bertujuan bagi memperhalusi isu dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui mengikut komponen struktur, fungsi teras dan pelaporan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) untuk pemantapan pengurusan integriti dan governan di KPT dan UA.

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Berita Integriti KPT Siri 3 / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) 2022-2026 Bil. 1 Tahun 2023



YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bil. 1 Tahun 2023 pada 21 Februari 2023 di Bilik Mesyuarat Al-Farabi, Aras 16, KPT. Mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Bahagian/Ketua Unit dan Pegawai Penyelaras bagi inisiatif Pelan Antirasuah KPT 2022-2026.

9 INISIATIF JANGKA MASA PENDEK (JUN 2022 HINGGA JUN 2023)

- 100%** Inisiatif 3.1.2 Menambah baik sistem rekod pengurusan aduan yang lebih sistematik dan berkesan dalam menyimpan dan memantau aduan yang diterima **oleh Unit Integriti**
- 60%** Inisiatif 3.1.3 Memantapkan pengurusan kes tata tertib melalui pewujudan prosedur kerja dan garis panduan **oleh Unit Integriti**
- 100%** Inisiatif 3.1.4 Menambah baik proses pelaporan pengauditan **oleh Unit Audit Dalam**
- 100%** Inisiatif 4.1.1 Memastikan setiap agensi di bawah KPT mempunyai Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) **oleh Unit Integriti**
- 100%** Inisiatif 4.1.2 Memantapkan struktur Unit Integriti Kementerian setaraf dengan penarafan risiko oleh SPRM melalui penyediaan kertas cadangan kepada Pengurusan Tertinggi KPT **oleh Unit Integriti**
- 35%** Inisiatif 4.1.3 Menyemak semula Kod Etika KPT **oleh Unit Integriti**
- 0%** Inisiatif 5.3.1 Memantapkan pemantauan dari aspek keselamatan di kawasan berisiko untuk berlaku penyelewengan oleh **Bahagian yang bertaraf Pegawai Pemungut (Bahagian Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Basiswa)**
- 75%** Inisiatif 6.1.1 Membangunkan dan menambah baik peraturan-peraturan dalaman seperti garis panduan dan surat edaran yang melibatkan Pegawai Pengawal **oleh Bahagian Kewangan**
- 85%** Inisiatif 6.1.2 Menguatkuasakan peraturan-peraturan dalaman, Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan bagi urusan berkaitan perolehan melalui pemantauan di lapangan **oleh Bahagian Kewangan**

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Berita Integriti KPT Siri 4 / 2023

SESI KUNJUNGAN MUHIBAH PUSAT PEMATUHAN SYARIAH, INTEGRITI, PENGURUSAN RISIKO DAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SCIROSH) USIM KE UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)



Pada 24 Februari 2023 (Jumaat), Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCIROSH) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan Sesi Kunjungan Muhibah ke Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



Kunjungan muhibah ini bertujuan mengeratkan lagi kerjasama yang telah sedia terjalin di antara USIM dan Unit Integriti KPT serta saling bertukar pandangan berkaitan amalan terbaik pengurusan Unit Integriti di antara kedua-dua pihak.

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Berita Integriti KPT Siri 5 / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Bil. 1 Tahun 2023



YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bil. 1 Tahun 2023 pada 14 Mac 2023 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Qualifications Agency (MQA), Setiausaha Bahagian, Ketua Unit serta wakil-wakil Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Bahagian/Unit di KPT.

FOKUS STRATEGIK MESYUARAT JAR KPT PADA TAHUN 2023

- ✓ Mengenal pasti dan menangani isu integriti dan antirasuah di Universiti Awam (UA);
- ✓ Penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan PK 1.6 (Integriti Dalam Perolehan Kerajaan) yang menyatakan sebarang kesalahan jenayah melibatkan perolehan Kerajaan perlu dibawa kepada Pihak Berkuasa dan tindakan mahkamah sivil jika berkaitan;
- ✓ Penguatkuasaan Peraturan 3 (C) dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib 1993 & Peraturan 21, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, iaitu tanggungjawab Ketua Jabatan; dan
- ✓ Pemantauan Status Pembangunan Pelan Antirasuah UA dan pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah UA oleh JPT.

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my

MESYUARAT JAWATANKUASA PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023 (JKNACP) KPT

Bil. 1 Tahun 2023





YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (JKNACP) KPT Bil. 1 Tahun 2023 pada 13 April 2023 di Bilik Mesyuarat Al-Farabi, Aras 16, KPT. Mesyuarat turut dihadiri tiga Agensi/Bahagian peneraju inisiatif NACP di bawah KPT.

PENCAPAIAN KPT DI DALAM NACP 2019-2023

- 100%** **Inisiatif 2.4.2 Oleh Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)**
Memberi penekanan terhadap **elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah** di institut pengajian tinggi;
- 100%** **Inisiatif 2.4.4 Oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)**
Memperkuatkan program kepimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan
- 99%** **Inisiatif 2.4.7 Oleh Bahagian Kecemerlangan Akademik, JPT**
Memperkenalkan kursus mata pelajaran wajib di Institusi Pendidikan Tinggi pada peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda yang menekankan kepada aspek kenegaraan, etika, peradaban, nilai, integriti dan falsafah.

HALA TUJU JKNACP 2019-2023

-  Perancangan dan pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai subjek wajib di semua Institut Pendidikan Tinggi sebelum Disember 2023.
-  Pelan Media untuk menghebahkan pencapaian KPT di bawah NACP 2019-2023 oleh Unit Komunikasi Korporat, KPT.

PROGRAM WACANA INTEGRITI : JELAJAH CAKNA SYARIAH 2023



Pada 25 Mei 2023, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Unit Integriti dengan kolaborasi bersama Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Program Wacana Integriti : Jelajah Cakna Syariah 2023 yang bertajuk "Orang Ketiga Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah" di Dewan Za'ba KPT. Program ini telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 350 orang peserta yang terdiri daripada warga KPT serta Jabatan/ Agensi di bawahnya, pegawai-pegawai daripada JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan peserta-peserta daripada Kementerian-Kementerian lain.



Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang kesalahan-kesalahan 'orang ketiga' di bawah Akta/ Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah dan hukumannya kepada pelaku yang telah melanggar undang-undang tersebut.

Sebagai tambahan, mana-mana penjawat awam yang telah disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Syariah turut boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja dan turun pangkat di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



"SUAMIKU MILIK ORANG"

PANEL 1 : YBHG. SS TUAN HAJI
JAMALI BIN MOHD ADNAN,
TIMBALAN MUFTI
WILAYAH PERSEKUTUAN



"DILEMA ORANG KETIGA & SOLUSI
MELALUI UNDANG-UNDANG SYARIAH"

PANEL 2 : YBRS. TUAN SHAFEZAN
BIN RUSLI, PEGAWAI SYARIAH,
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI PULAU PINANG



"KETAHANAN MENTAL MENGHADAPI
ORANG KETIGA"

PANEL 3 : YBRS. TUAN HAJI NORZMAN
BIN AMAR, KETUA PENOLONG PENGARAH/
KETUA KAUNSELOR,
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



Berita Integriti KPT Siri 8 / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Bil. 2 Tahun 2023



YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bil. 2 Tahun 2023 pada 17 Julai 2023 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Setiausaha Bahagian, Ketua Unit serta wakil-wakil Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Malaysian Qualifications Agency (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Bahagian/Unit di KPT.

Mesyuarat memaklumkan bahawa:

- i. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dijenamakan semula sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN);
- ii. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 diteruskan dengan satu strategi baharu di peringkat nasional yang dikenali sebagai Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (National Anti-Corruption Strategies, NACS); dan
- iii. Malaysia berada di kedudukan ke-61 daripada keseluruhan 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI).

KEPUTUSAN MESYUARAT:

- ✓ Jabatan/Agensi perlu memastikan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) siap sebelum akhir tahun 2023;
- ✓ Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) yang melibatkan Jabatan/Agensi perlu diambil tindakan dalam tempoh 6 bulan;
- ✓ Penubuhan Unit Integriti di JPT dan JPPKK dalam peringkat pemurnian akhir bersama BPSM, KPT;
- ✓ Bengkel Pembangunan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) yang melibatkan semua Bahagian/Unit di KPT dijangka akan bermula pada bulan Ogos hingga Oktober 2023; dan
- ✓ Pencalonan bagi Penganugerahan Sijil Pengiktirafan "Kompetensi Berasaskan Integriti" bagi Tahun 2023 telah dibuka hingga 1 September 2023.

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Berita Integriti KPT Siri 9 / 2023

SESI LATIHAN PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)



Pada 16 hingga 17 Ogos 2023, Unit Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Sesi Latihan Pemahaman dan Pelaksanaan MS ISO 37001: 2016 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Penceramah jemputan adalah Encik Basri bin Zainol daripada QTC Management Consultant Sdn Bhd.

Sesi latihan ini telah dihadiri oleh seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bahagian/Unit di KPT, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Education Malaysia Global Services (EMGS).

Objektif utama sesi latihan ini adalah untuk memberi pemahaman yang komprehensif mengenai perkara berikut:

- i. Memahami pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah mengikut MS ISO 37001:2016;
- ii. Untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif mengenai pendekatan, kaedah, langkah-langkah, dan teknik-teknik yang diperlukan untuk Sistem Pengurusan Anti Rasuah yang berkesan; dan
- iii. Untuk menyokong organisasi dalam mewujudkan, melaksanakan, mengurus dan menyelenggara Sistem Pengurusan Anti Rasuah seperti yang dinyatakan dalam MS ISO 37001:2016.



UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my

SESI BENGKEL KERJA PENGURUSAN PENILAIAN RISIKO RASUAH (CRM) MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)



Pada 29 hingga 30 Ogos 2023, Unit Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Sesi Bengkel Kerja Pengurusan Penilaian Risiko Rasuah (CRM) MS ISO 37001: 2016 bertempat di Hotel Mercure Living, Putrajaya. Penceramah jemputan adalah Encik Basri bin Zainol daripada QTC Management Consultant Sdn Bhd. Bengkel kerja ini telah dihadiri oleh seramai 35 pegawai yang terdiri daripada Bahagian/Unit di KPT. Objektif utama sesi bengkel kerja ini adalah untuk memberi pemahaman yang komprehensif tentang :

- i. Memahami konsep asas Pengurusan Risiko Rasuah; dan
- ii. Untuk mendapatkan gambaran keseluruhan dengan pendekatan metodologi risiko berdasarkan ISO MS ISO 31007:2016.

SESI BENGKEL KERJA PERUNDINGAN MENGENAI DOKUMENTASI DAN PEMBANGUNAN DOKUMEN ABMS MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)



Pada 11 hingga 13 September 2023, Unit Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Sesi Bengkel Kerja Perundingan Mengenai Dokumentasi dan Pembangunan Dokumen ABMS MS ISO 37001:2016 KPT bertempat di Hotel Melia, Kuala Lumpur.

Penceramah jemputan adalah Encik Basri bin Zainol daripada QTC Management Consultant Sdn Bhd. Bengkel kerja ini telah dihadiri oleh seramai 35 pegawai yang terdiri daripada Bahagian/Unit di KPT. Objektif utama sesi bengkel kerja ini adalah untuk membangunkan **Manual Sistem Pengurusan Anti Rasuah** yang meliputi pemetaan proses Anti Rasuah, daftar risiko, isu dalaman dan luaran, objektif perancangan dan polisi.



UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI


Berita Integriti KPT Siri 12 / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) 2022-2026 Bil. 2 Tahun 2023



YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bil. 2 Tahun 2023 pada 26 September 2023 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT. Mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Bahagian/Ketua Unit dan Pegawai Penyelaras bagi inisiatif Pelan Antirasuah KPT 2022-2026.

STATUS INISIATIF PELAN ANTIRASUAH KPT 2022-2026 MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN (SEHINGGA SEPTEMBER 2023)



A

Basiswa,
Pinjaman dan
Penyelidikan
(6 inisiatif)

- 4 Inisiatif telah selesai
- 2 Inisiatif dalam tindakan

B

Integriti dan
Tadbir Urus
Organisasi
(14 inisiatif)

- 5 Inisiatif telah selesai
- 9 Inisiatif dalam tindakan

C

Proses Perolehan
dan Pengurusan
Kewangan
(11 inisiatif)

- 7 Inisiatif telah selesai
- 4 Inisiatif dalam tindakan

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 / 6144 | E-mel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MESEJ INTEGRITI

SIRI 1/2023

UI

PERATURAN 23 DAN PERATURAN 24,
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

PEGAWAI YANG **TIDAK HADIR BERTUGAS**

bagi apa-apa tempoh masa pada masa dan di tempat yang ditetapkan
tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah

BOLEH DIKENAKAN

TINDAKAN TATATERTIB

2

**KATEGORI
TIDAK HADIR BERTUGAS**



1 Tidak Hadir Bertugas
Dan Dapat Dikesan
(Peraturan 25)

2 Tidak Hadir Bertugas 7
Hari Bekerja Berturut -
turut Dan Tidak
Dapat Dikesan
(Peraturan 26)

Unit Integriti

Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya

Telefon: 03-88706770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MESEJ INTEGRITI

Siri 2/2023

UI

KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Keterhutangan Kewangan yang serius merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.



KAWALAN POTONGAN GAJI MAKSIMUM 60% DARIPADA EMOLUMEN BULANAN

✓ Dikuatkuasakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

✓ Pinjaman Pendidikan dan perumahan adalah dikecualikan bagi pengiraan potongan gaji maksimum 60% daripada emolumen bulanan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN :

- Semakan kepada Laporan Senarai Peratus Potongan Melebihi Pendapatan (ZRPY069) secara bulanan;
- Kawalan ke atas proses kelulusan permohonan pinjaman peribadi;
- Mengadakan mesyuarat berkala bagi memantau dan memastikan prestasi perkhidmatan Pegawai Awam yang mempunyai had pendapatan bersih kurang dari paras minimum 40% tidak terjejas, atau terlibat dengan salah laku dan penyelewengan wang awam;
- Menasihatkan Pegawai Awam untuk menstruktur semula pinjaman peribadi dan potongan lain;
- Merujuk Pegawai Awam ke Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); dan
- Menyediakan kawalan dalaman untuk memantau dan memastikan Pegawai Awam mempunyai had pendapatan bersih minimum 40%.

Sumber :

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam 2022 (Ceraian UP.7.2.7)
- Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 2020 - Taticara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang telah dikemaskini pada 25 Ogos 2022

Unit Integriti

Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya
Telefon: 03-88706770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my

PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
(HARI KEBESARAN ISLAM: RAMADAN)

✓ Perbaiki Niat

Mengikhhlaskan niat hanya kerana Allah
Al-Bayyinah: (5)

✓ Berdoa

Banyakkan berdoa memohon
keampunan dari Allah SWT

✓ Qiam

Qiam adalah menghidupkan malam di bulan
Ramadan dengan beribadah kepada Allah
Riwayat Al- Tirmizi (806)

✓ Memperbanyakkan
membaca Al-Quran

Bulan Ramadan adalah bulan
yang diturunkan Al-Quran
Al- Baqarah: (185)

✓ Bersedekah &
Memberi makanan

Banyakkan bersedekah dan memberi makan
orang yang berpuasa
Riwayat Al-Tirmizi (807)

PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
(HARI KEBESARAN ISLAM : RAMADAN)

(PUASA YANG SIA-SIA)

"Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat
apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh
jadi orang yang berqiyam itu tidak mendapat apa-apa
daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam".
(Riwayat Ibnu Majah, No. Hadith 1690)

Sumber : Irsyad Al-Hadith Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

JAGA PUASA
KITA DARI :

1 Niat Puasa yang tidak ikhlas; ❀

2 Berkata tidak baik dan
berkata kotor; dan ❀

3 Sering melakukan kemaksiatan dan
tidak berusaha melawan atau ❀
mengurangnya.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MESEJ INTEGRITI
Siri 5/2023

UI



PENGHAYATAN NILAI-NILAI ISLAM
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
(HARI KEBESARAN ISLAM: RAMADAN)

NUZUL AL-QURAN

17 RAMADAN

Firman Allah bermaksud :

Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

(SURAH AL-BAQARAH: 185)

MATLAMAT AL-QURAN

Antaranya :

- Mentashihkan akidah, sudut pemikiran berkaitan ketuhanan, kerasulan dan pembalasan
- Menyeru kepada pembersihan jiwa manusia
- Membentuk keluarga solehah dan pemberian hak wanita
- Membina ummah yang menjadi saksi kepada kemanusiaan
- Dakwah dan menyeru kepada alam insani yang bersifat tolong-menolong dan kerjasama

Sumber : Bayan Linnas Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya
Telefon: 03-88706770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MESEJ INTEGRITI

SIRI 6/2023

UI



KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB ADALAH :

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

TINDAKAN AWAL KETUA JABATAN:

- Nasihat kepada pegawai berkaitan pelanggaran tatakelakuan
- Teguran bertulis kepada pegawai bagi mendapatkan penjelasan berkaitan pelanggaran tatakelakuan.
- Mengadakan sesi kaunseling kepada pegawai
- Sekiranya pegawai tidak menunjukkan sebarang perubahan maka pelaporan berkaitan pelanggaran tatakelakuan perlu dibuat dengan kadar segera kepada Pihak Berkuasa Tatatertib

PERATURAN 3C.(1)

"Maka menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini"

PERATURAN 3C.(2)

"Seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana Peruntukan-Peruntukan ini **hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib"**

Unit Integriti

Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya
Telefon: 03-88706770 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Siri 7/2023

MAKLUMAT DAN ADUAN BERKUALITI



Tafsiran :

- **Maklumat** ertinya sesuatu maklumat mengenai salah laku jenayah atau pelanggaran tata kelakuan dan etika agensi yang diperolehi oleh UI melalui sumber-sumber selain pengadu
- **Aduan** ertinya sesuatu aduan mengenai salah laku jenayah atau pelanggaran tata kelakuan dan etika agensi yang dilaporkan oleh pengadu.

- *Tatacara Pengurusan Aduan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)* -

UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya
Telefon: 03-88706770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

HENTIKAN!

Siri 8/2023

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Sebarang perlakuan bersifat seksual secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang menyebabkan seseorang yang waras merasa **TERSINGGUNG, TERHINA ATAU TERUGUT**

“Boleh terjadi kepada lelaki, perempuan atau sesama jantina”

JENIS GANGGUAN SEKSUAL



SECARA FIZIKAL

- Memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, menjilat atau meraba anggota badan.



SECARA ISYARAT (BUKAN LISAN)

- Menjeling, menggoda, merenung, mengintai, menjilat bibir, atau mengguna bahasa isyarat yang lain



SECARA VISUAL

- Menghantar bahan berunsur seksual seperti nota/surat/WhatsApp/gambar/objek.



SECARA PSIKOLOGI

- Merapati secara seksual, mendorong, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual.



SECARA LISAN

- Menggunakan bahasa lucu semasa berbual/ bercerita/berjenaka/ bunyi-bunyian.

BERANIKAN DIRI!

1. Kumpul Bukti
2. Rujuk Kaunselor
3. Kemukakan Aduan Kepada:
 - Unit Integriti KPT
 - Polis Diraja Malaysia

Rujukan:

- Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tata tertib) 1993 [P.U.(A)395/1993]
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Pengurusan Psikologi Versi 1.0 (2022) 'Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja'. (Ceraian P.O.3.1.2)

UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya
Telefon: 03-88706770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my

PENDAPAT WARGA KPT TENTANG...



“PENJAWAT AWAM PERLU PATUHI DO AND DONT’S TERUTAMA DALAM MENJALANKAN TUGAS DAN INTEGRITI BERMULA DARI DIRI SENDIRI”

PUAN SARIMAH BINTI ABDUL SAMAT
AKAUNTAN
BAHAGIAN AKAUN



“INTEGRITI ADALAH PANDUAN UNTUK MELAKUKAN SESUATU DAN SEKIRANYA KITA PATUH APA YANG DITETAPKAN ITULAH YANG DIKATAKAN INTEGRITI”

YBRs. TS. ABDUL SALAM BIN MAHMUD
JURUTERA KANAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



“SECARA ASASNYA INTEGRITI ADALAH SATU PERBUATAN YANG JUJUR TANPA PERLU DIPERHATI”

ENCIK ABDUL RASHID BIN SULAIMAN
PEGUAM PERSEKUTUAN
UNIT UNDANG-UNDANG

APA ITU
INTEGRITI?



“BERTINDAK JUJUR DAN AMANAH DALAM APA JUA TUGAS, YANG PENTING TULUS MENGIKUT PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG”

PUAN ANIS FADZDIA BINTI MOHD KAMARUZAMAN
SETIAUSAHA
PEJABAT TIMBALAN MENTERI



“SALAH SATU PERKARA BERKAITAN INTEGRITI ADALAH JAUHI RASUAH DAN PEMATUHAN MASA SEWAKTU BEKERJA”

PUAN HAYATI BINTI MASRI
PEMBANTU PERPUSTAKAAN
SEKSYEN PUSAT SUMBER



“INTEGRITI INI BERKISAR KEPADA KETEGASAN DAN JUGA KEPATUHAN INDIVIDU KEPADA SESUATU PERATURAN ORGANISASI”


ENCIK MOHD MUSTAQIM BIN MOHD ZAHID
JURUTEKNIK KOMPUTER
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Unit Integriti

Aras 1, No.2 Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P Putrajaya, Malaysia.

 03-8870 6000

 03-8870 6254

 integriti.kpt@mohe.gov.my